

04 AUG 1997

Mohamed-Agama

TOKOH PELBAGAI AGAMA DALAM PROGRAM RTM UNTUK TANGANI MASALAH SOSIAL

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Tokoh-tokoh pelbagai agama akan dibenarkan muncul dalam program khas radio dan televisyen RTM untuk menganjurkan nilai-nilai baik sebagai panduan kepada rakyat terutamanya dalam menangani masalah sosial di negara ini.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat ketika mengumumkan perkara ini hari ini bagaimanapun menekankan bahawa mereka tidak sama sekali dibenarkan mengembangkan ajaran agama masing-masing melalui RTM.

"Masalah hendak mengembangkan agama-agama selain dari agama Islam tak dapat kita buat... kita telah ada keputusan bahawa media kerajaan hanya bertanggungjawab untuk syiar Islam dan bukan untuk agama-agama lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan sembilan wakil daripada Majlis Perundingan Agama Kristian, Hindu, Buddha dan Sikh di pejabatnya di sini.

Mohamed berkata, dalam perjumpaan kira-kira sejam itu, wakil-wakil berkenaan menghormati keputusan kerajaan dan ingin memainkan peranan daripada segi penganjuran nilai-nilai baik dalam agama masing-masing bagi menangani masalah sosial yang melanda masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

"Penglibatan daripada majlis ini dalam program-program RTM yang menyentuh masalah sosial dan masalah-masalah lain yang menganjur kepada kebaikan akan kita adakan," katanya.

Menteri itu berkata, beliau telah memberi tempoh sebulan kepada majlis itu untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang konkrit untuk pertimbangan dan pelaksanaan oleh RTM berhubung program khas di radio dan televisyen itu.

"Saya telah menjelaskan kepada mereka soal kebebasan beragama di Malaysia ini akan terus kita pertahankan sambil itu kita juga perlu menerima hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara dan ini mereka telah terima dengan baik," katanya.

Mohamed menjelaskan bahawa RTM telah membuka pintunya sedikit dalam soal memberi liputan kepada perayaan-perayaan berbentuk agama kerana menganggapnya sebagai perayaan nasional yang perlu dibuat liputan.

"Oleh itu semua perayaan agama seperti Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Sikh telah diberi liputan yang meluas untuk menyatakan kepada rakyat bahawa ini adalah perayaan nasional yang juga harus kita merayakan bersama dalam usaha untuk mewujudkan perpaduan dan persefahaman di kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata usaha itu selaras dengan hasrat menjalin keharmonian dalam bidang keagamaan dan pengertian yang baik tentang agama serta bersesuaian dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan mengamalkan kesederhanaan dalam memupuk kerjasama baik antara rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

"Saya telah memberikan fahaman yang baik kepada anggota majlis tadi dan mereka telah bersetuju dan berjanji akan membantu ke arah mewujudkan keharmonian beragama di Malaysia tetapi mereka fikir mereka ada peranan untuk membimbing anak muda menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi," katanya.

Rancangan-rancangan radio dan televisyen yang akan diwujudkan nanti diharap akan memberi keinsafan kepada rakyat berbilang agama tentang perlunya mereka berpegang kepada nilai-nilai moral yang tinggi dan ajaran agama yang dianuti supaya kesejahteraan untuk Malaysia dan rakyatnya dapat

terus dipelihara, tambahnya.

Beliau membayangkan kemungkinan rancangan-rancangan itu akan berbentuk perbincangan mengenai masalah sosial dan cadangan penyelesaian melalui pendekatan daripada segi ajaran agama dan kebaikan-kebaikannya.

Sementara itu naib presiden majlis berkenaan, A. Vaithlingam ketika dihubungi berkata majlis menyambut baik keputusan kerajaan itu terutamanya Mohamed yang menghargai pandangan yang dikemukakan padanya.

Vaithlingam yang mengetuai 11 ahli majlis pada perjumpaan itu berkata Mohamed turut meluahkan harapan agar dapat berjumpa dengan mereka semula dalam tempoh satu bulan lagi untuk berbincang dengan lebih khusus mengenainya.

"Pihak majlis tidak ada masalah terhadap cadangan itu malah Datuk Mohamed sendiri mahu pihak kami turut terlibat dalam kegiatan am dan tidak hanya terhad kepada bidang keagamaan," katanya.

--BERNAMA

AFY oba